| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **AKHBAR** | **:** | **KOSMO!** | **MUKA SURAT** | **:** | **12** |
| **TARIKH** | **:** | **06 FEBRUARI 2023** | **HARI** | **:** | **ISNIN** |
| **SENTIMEN** | **:** | **POSITIF** | | | |

**FAKTA HARI INI**

*6 Februari 2013*

# Kerajaan sediakan dana SPP1M biayai pengajian di peringkat tinggi

**SKIM** Prihatin Pendidikan 1Malaysia (SPP1M) dengan dana permulaan sebanyak RM1 bilion diperkenalkan kerajaan bagi memberi kemudahan pinjaman kewangan tambahan kepada golongan pelajar di peringkat pengajian tinggi.

Skim yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan satu lagi transformasi dalam pendidikan yang direalisasikan oleh kerajaan untuk membantu pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah dan sederhana.

Skim tersebut berperanan menyediakan pinjaman tambahan kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedia ada.

Ia bagi membantu pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan sarjana dalam bidang perubatan serta bidang-bidang kritikal.


NEGARA!

Keadaan kesihatan Sultan Pahang semakin baik

Sediakan pinjaman pendidikan tambahan untuk biayai pengajian di peringkat tinggi

## Dana SPP1M bantu pelajar

Buku pengalaman saintis di Antartika dilancar

**DAPATKAN** maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn. Bhd. Sebarang urusan pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di nombor telefon: **03-7455 6428** atau e-mel ke: **infocenter@mediamulia.com.my**